ARAB-MALAYSIAN FINANCE BHD

lwn.

TUNKU MARYAM TUNKU ZAINAL ABIDIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
T SELVENTHIRANATHAN H
[GUAMAN SIVIL NO: D1-22-325-1989]
16 FEBRUARI 2000

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman dan perintah - Penghakiman ingkar - Penghakiman terus - Plaintif memperolehi penghakiman ingkar tetapi diketepikan oleh mahkamah - Samada plaintif boleh meneruskan prosiding dengan permohonan untuk penghakiman terus - Samada defendan boleh membangkitkan isu estoppel - Samada terdapat isu yang boleh dibicarakan - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 14*

Plaintif dalam kes ini telah memperoleh satu penghakiman ingkar terhadap defendan. Penghakiman ingkar tersebut bagaimanapun telah diketepikan atas alasan defendan mempunyai pembelaan bermerit. Fakta menunjukkan bahawa salah satu dari pembelaan defendan yang dikatakan mempunyai merit itu ialah, bahawa plaintif telah menuntut faedah sebanyak 16% setahun bertentangan dengan tawaran pinjaman yang menetapkan kadar faedah pada 14% setahun. Walau bagaimanapun, selepas penghakiman ingkarnya diketepikan, plaintif telah meminda tuntutannya dan menuntut hanya 14% faedah setahun atas pinjaman berkenaan. Plaintif kemudian memohon penghakiman terus di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan permohonan plaintif telah dibenarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar.

Defendan merayu dan berhujah, antara lain, bahawa penghakiman ingkar yang berjaya diketepikan itu bermakna bahawa terdapat isu-isu yang boleh dibicarakan dalam pembelaannya, dan kedua, bahawa terdapat perjanjian penyelesaian oleh pihak ketiga yang disedari oleh plaintif dan plaintif dengan itu diestop dari meneruskan tindakan melalui permohonan A. 14. Isu penting yang timbul ialah samada defendan, yang berjaya mengenepikan penghakiman ingkar dahulu boleh sekarang menghalang plaintif daripada membuat permohonan A. 14.

Diputuskan:

[1] Walaupun penghakiman ingkar telah diketepikan, pengenepian itu tidak menjadi penghalang kepada permohonan A. 14 plaintif di mana merit tuntutan dan pembelaan dibicarakan berbanding dengan penghakiman ingkar yang tidak menyentuh merit tersebut. Apabila plaintif menyedari kesilapan telah berlaku dalam kandungan penghakiman ingkar, plaintif berhak membetulkannya dalam permohonan A. 14.

[2] Tuntutan plaintif berasaskan kadar faedah 16% setahun semasa memasukkan penghakiman ingkar telah dipinda di bawah permohonan A. 14 kepada tuntutan berasaskan kadar faedah 14% setahun, selaras dengan kadar dalam surat tawaran. Fakta juga menunjukkan bahawa penyata akaun pun telah dipinda bagi mencerminkan hakikat ini. Tuntutan plaintif adalah suatu tuntutan yang jelas, iaitu untuk pembayaran balik pinjaman. Defendan jelas gagal menunjukkan apa-apa isu yang patut dibicara berlandaskan kadar faedah sebenarnya.

[3] Perjanjian penyelesaian dengan pihak ketiga tidak boleh mengikat plaintif kerana plaintif bukan satu pihak kepadanya. Ianya juga jelas bahawa, apabila sesuatu penghakiman ingkar diketepikan, prinsip estoppel tidak boleh dibangkitkan oleh kerana prosiding pengenepian penghakiman ingkar tidak memutuskan isu-isu secara muktamad.

[Rayuan ditolak.]

Kes yang dirujuk:
Anglo-American Corporation Ltd v. Chin Pak Soon & Anor [1966] 1 MLJ 267 ***(dirujuk)***
Bank Negara Malaysia v. Mohd Ismail & Ors [1992] 1 CLJ 627 ***(dirujuk)***
Development & Commercial Bank Bhd v. Abdullah Ismail & Anor [1989] 1 CLJ 190 ***(dirujuk)***
The Asia Life Assurance Society Ltd v. Kong Leong Aik [1992] 4 CLJ 2053 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 14

Sumber yang dirujuk:
Halsbury's Laws of England, jilid 16, edisi keempat, perenggan 1518

Bagi pihak perayu - Saranjit Singh; T/n KS Narayanan & Assoc
Bagi pihak responden - JW Appukuttan; T/n Skyeoh & Jeganathan

Dilaporkan oleh WA Sharif

a

PENGHAKIMAN

T Selventhiranathan H:

Rayuan Oleh Defendan

b Ini adalah oleh defendan melalui lampiran (33) terhadap keputusan penolong kanan pendaftar ("pendaftar") memasukkan penghakiman terus terhadapnya.

Asas Rayuan

Antara isu-isu yang ditimbulkan oleh defendan ialah:

c

(i) Plaintif telah terdahulunya mendapat penghakiman ingkar terhadap defendan tetapi ianya telah diketepikan pada 13 Januari 1995 atas alasan defendan mempunyai pembelaan bermerit. Ini bermakna untuk maksud permohonan memasukkan penghakiman terus di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ("permohonan A. 14") defendan juga mempunyai
d isu-isu dalam pembelaannya yang harus dibicarakan.

(ii) Kesahihan penyata akaun plaintif dipertikaikan.

(iii) Keterangan plaintif tidak konsisten.

e (iv) Terdapat perjanjian penyelesaian oleh pihak ketiga yang memang disedari oleh plaintif. Plaintif adalah dilarang (estopped) dari meneruskan tindakan terhadap defendan melalui permohonan A. 14.

Jawapan

f Jawapan plaintif kepada isu-isu di atas adalah seperti berikut:

(a) Prinsip-prinsip yang berbeza adalah terpakai kepada permohonan mengenepikan penghakiman ingkar dan permohonan A. 14.

(b) Ketika memasukkan penghakiman ingkar, plaintif menuntut atas kadar
g faedah 16% setahun. Kini plaintif telah meminda pernyataan tuntutan dan faedah yang dikenakan adalah 14% setahun sebagaimana sepatutnya. Defendan tidak bagaimanapun menunjukkan bahawa di dalam penyata akaun, plaintif tidak mengira kadar faedah pada 14% setahun.

h (c) Tiada inconsistency dalam affidavit plaintif dan pernyataan tuntutan, khusus surat tawaran adalah dinyatakan dalam perenggan 4 pernyataan tuntutan terpinda (lampiran (24)) dan perkara yang sama diikrarkan dalam perenggan 6 afidavit lampiran (28).

i

(d) Perjanjian penyelesaian tidak boleh dijadikan isu kerana plaintif dan defendan bukanlah pihak kepadanya dan sedemikian tiada privy. Selain itu perjanjian penyelesaian tidak boleh dikuatkuasakan kerana ia hanyalah contingent agreement.

Pendapat Mahkamah

Adalah diperhatikan bahawa pendaftar yang membenarkan permohonan defendan mengenepikan penghakiman ingkar tidak memberi alasan-alasannya. Namun demikian, pokok soalan ialah sama ada defendan yang berjaya mengenepikan penghakiman ingkar dahulu boleh sekarang menghalang plaintif daripada membuat permohonan A. 14.

Dalam perbicaraan permohonan mengenepikan penghakiman ingkar di hadapan pendaftar dahulu, defendan menimbulkan dua isu, iaitu:

(a) bahawa faedah 16% setahun yang dituntut adalah keterlaluan manakala surat tawaran bagi pinjaman berkenaan menetapkan kadar faedah pada 14% setahun; dan

(b) plaintif memang sedar atas kewujudan perjanjian penyelesaian dengan pihak ketiga dan plaintif patut menuntut hutang defendan dari pihak ketiga itu.

Tuntutan plaintif berasaskan kadar faedah 16% setahun semasa memasukkan penghakiman ingkar telah dipinda di bawah permohonan A. 14 sekarang kepada tuntutan berasaskan kadar faedah 14% setahun, selaras dengan kadar dalam surat tawaran. Penyata akaun pun telah dipinda bagi mencerminkan hakikat ini. Maka pada pendapat saya, defendan tidak dapat menunjukkan apa-apa isu yang patut dibicara berlandaskan kadar faedah sebenarnya.

Tentang perjanjian penyelesaian dengan pihak ketiga, ianya tidak boleh mengikat plaintif kerana plaintif bukan satu pihak kepadanya dan plaintif tidak mempunyai apa-apa locus menuntut hutang defendan dari pihak ketiga.

Walaupun penghakiman ingkar telah diketepikan dalam kes ini, pada pendapat saya, pengenepian itu tidak menjadi penghalang kepada permohonan A. 14 plaintif di mana merit tuntutan dan pembelaan dibicarakan jika dibandingkan dengan penghakiman ingkar yang tidak menyentuh merit tersebut. Apabila plaintif menyedari dalam perbicaraan permohonan mengenepikan penghakiman ingkar bahawa kesilapan telah berlaku dalam kandungan penghakiman ingkar itu, plaintif berhak membetulkan kedudukan dalam permohonan A. 14 kerana ini akan menjimatkan masa semua pihak dan mengurangkan kos.

Apabila sesuatu penghakiman ingkar diketepikan, prinsip estoppel tidak boleh dibangkitkan oleh kerana prosiding pengenepian penghakiman ingkar tidak memutuskan isu-isu secara muktamad: lihat kes *The Asia Life Assurance Society Ltd v. Kong Leong Aik @ Simon Kong* [1992] 4 CLJ 2053. Petikan berikut dari perenggan 1518 *Halsbury's Laws of England,* jilid 16 (edisi keempat), menerangkan keadaan dalam mana doktrin estopped by record terpakai:

> 1518. Records of courts of law. The doctrine of estoppel by record thus limited finds expression in two legal maxims, interest *reipublicate ut sit finis litium le* it is in the public interest that there should be an end of litigation, and *nemo debet bis vexari pro una et eadem causa le* no man should be proceeded against twice for the same cause. It accords with the first of these maxims that a party relying on estoppel by record should be able to show that the matter has been determined by a judgment in its nature final *Langmead v. Maple* [1865] 18 CBNS 255; *Massam v. Thorley's Cattle Food Co* [1880] 14 Ch D 748 at 751, CA; *Badar Bee v. Habib Merican Noordin* [1909] AC 615, PC; and see *Pitt v. Hill and Broadway* [1673] Cas *temp* Finch 70; *Temple v. Viscountess Baltinglass* [1677] Cas *temp* Finch 275; *Brunsden v. Humphrey* [1884] 14 QBD 141 at 147, CA, per Bowen LJ. It is on this principle that no action can be brought to recover money paid under a judgment which has not been set aside, or for maliciously and without probable cause setting the law in motion while a judgment against the party complaining stands unreversed: see *Huffer v. Allen* [1866] LR 2 Exch 15; of *Wlldes v. Russell* [1866] LR 1 CP 722; *Bynoe v. Bank of England* [1902] 1 KB 467, CA (following *Basebe v. Matthews* [1867] LR 2 CP 684; *Vanderbergh v. Blake* [1662] Hard 194; and *Castrique v. Behrens* [1861] 3 E & E 709 at 721; and applied in *Turley v. Daw* [1906] 94 LT 216); of *Huddlestone v. Asbugg* [1675] Cas *temp* Finch 204. A decree for foreclosure is a bar to an action for redemtion; *Malock v. Gaiton* [1735] 1 Dick 65; of *Ford v. Tynte* [1864] 10 LT 93. For cases in which an interlocutory judgment intended finally to determine rights has been allowed to have the effect of a *res judicata,* see para 1535, post. The word 'final' is here used as opposed to 'interlocutory' *Marchioness of Huntly v. Gaskell* [1905] 2 Ch 656 at 667, CA, per Cozens-Hardy LJ; *Allnutt v. Mills* [1925] 42 TLR 68; and para 1535, post. A judgment which purports finally to determine rights is none the less effective for the purposes of creating an estoppel because it is liable to be reversed on appeal *Doe v. Wright* [1839] 10 Ad & El 763; *Overton v. Harvey* [1850] 9 CB 324; *Marchloness of Huntly v. Gaskell* [1905] 2 Ch 656, CA; of *Horrocks v. Stubbs* [1896] 74 LT 58, CA; *Uxbridge Union v. Winchester Union* [1904] 91 LT 533 (appeal failed, but not on merits); *Lady Clanmorris v. Lord Clanmorris* [1862] 141 Ch R 420. The same principle applies to foreign judgments: see *Conflict Of Laws,* vol 8, paras 734, 758; see also *judgments,* or because an appeal is pending *Harris v. Wlllis* [1855] 15 CB 710, or because for the purpose of working it out inquiries or accounts have to be taken *Poulton v. Adjustable Cover and Boller Block Co* [1908] 2 Ch 430, CA.

Dalam kes *Anglo-American Corporation Ltd v. Chin Pak Soon and Another* [1966] 1 MLJ 267 Hakim Raja Azlan Shah (Baginda Sultan Perak sekarang) telah mengatakan seperti berikut di ms 268 laporan kes itu:

> Applying the law to the present case, I have to decide what the judgment of 12th September 1964, can be treated as concluding between the plaintiff and the second defendant. Under that judgment the plaintiff was entitled to recover from the second defendant a sum of money by virtue of the hire-purchase agreement under which he stood as guarantor. The said judgment was afterwards set aside so that as it now stands there is no judgment alive and subsisting as against the second defendant. Is the plaintiff estopped from asserting in a fresh action the same facts as earlier pleaded? To my mind he would be estopped if the default judgment is alive and subsisting, but not otherwise. It cannot now be said that the default judgment had 'necessarily and with complete precision' decided on any issue between the plaintiff and the second defendant as the said judgment was set aside. In the circumstances I hold that there is no estoppel.

Saya menerimapakai kelafazan tersebut sebagai suatu kenyataan undang-undang yang tepat bagi maksud kes ini juga.

Selain dari itu, mana-mana pihak yang ingin membangkitkan doktrin estoppel perlu memplidnya: lihat perenggan 1516 *Halsbury's Laws of England* jilid 16 (edisi keempat), dan kes *Development & Commercial Bank Berhad v. Abdullah Ismail and Another* [1989] 1 CLJ 190. Dalam kes ini, penelitian afidavit defendan di lampiran (31) menunjukkan bahawa defendan langsung tidak membangkitkan isu estoppel sebagai penghalang kepada plaintif memohon penghakiman muktamad melalui pemohonan A. 14. Sebaliknya, dalam rangka hujahan bertulis defendan di lampiran (21) untuk mengenepikan penghakiman ingkar, peguamcara defendan telah mengakhiri hujahannya seperti berikut:

> The plaintiffs can be left to test their confidence is a subsequent application either for summary judgment or for striking out the defence.

Ini jelas menunjukkan defendan bukan serius dalam membangkitkan isu estoppel bagi membantah permohonan A. 14 dan memang telah mengakui ianya tidak wujud dalam keadaan kes ini terkini.

Tentang hujahan defendan bahawa terdapat perbezaan di antara penyata akaun yang dikemukakan semasa memohon pengenepian penghakiman ingkar dan apa dikemukakan untuk permohonan A. 14, hujahan itu tidak bermerit kerana penyata akaun dahulu disediakan atas kadar faedah 16% setahun manakala penyata akaun bagi permohonan A. 14 ini berasaskan kadar faedah 14% setahun, yang mana memihak defendan kerana

kekurangan kadar faedah. Sudah tentu ada perbezaan di antara penyata-penyata akaun dalam keadaan seperti diwujudkan tetapi apa yang mustahak ialah defendan tidak dapat menunjukkan penyata akaun terkini tidak betul atau tidak tepat.

Maka adalah jelas bahawa defendan tidak mempunyai apa-apa pembelaan kepada tuntutan plaintif. Dalam perkataan lain, defendan tidak dapat menunjukkan dia mempunyai pembelaan yang merangkumi isu-isu yang harus dibicarakan atau mempunyai pembelaan bermerit. Berdasarkan prinsip-prinsip yang dihuraikan dalam kes *Bank Negara Malaysia v. Mohd Ismail and Others* [1992] 1 CLJ 627; [1992] 1 MLJ 400, saya dapati defendan tidak berjaya menunjukkan bahawa pembelaannya mempunyai isu-isu yang harus dibicarakan. Tuntutan plaintif adalah suatu tuntutan yang jelas, iaitu untuk pembayaran balik pinjaman, dan saya berpendapat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh defendan bukanlah isu-isu yang patut dibicarakan. Oleh yang demikian, rayuan defendan di lampiran (33) telah ditolak dengan kos.